

Headline	Maybank kibar bendera putih		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	278 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,645		



MAYBANK berjaya mencatat kemenangan besar ke atas UiTM pada aksi MHL di Stadium Hoki Nasional kelmarin.

Maybank kibar bendera putih

BERBAKI satu perlawanan sahaja lagi pada saingan musim ini, Maybank menerima hakikat bahawa mereka mungkin sudah terlepas peluang untuk merangkul kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024.

Walaupun menerajui takhta liga ketika ini, namun kedudukan itu dijangka berubah sekiranya Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya mencatat kemenangan ke atas UiTM HA-KPT di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil hari ini.

Ketua jurulatih Maybank, Azrul Effendy Bistaman seolah-olah sudah mengibarkan 'bendera putih' untuk mencabar kejuaraan liga musim ini apabila menyifatkan peluang mereka sangat tipis.

"Setakat ini (semalam) memang kita menghuni kedudukan



teratas liga kerana TNB tidak beraksi. Secara realistik, peluang untuk kita jadi juara memang sukar kerana perbezaan jaringan cukup besar dengan TNB.

"Sekiranya TNB menang Ahad nanti (hari ini), mereka akan kembali ke kedudukan teratas liga, maka kami akan fokus untuk mencari penamat terbaik, iaitu sebagai naib juara," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.

Terdahulu, Maybank menca-

tat kemenangan ketujuh musim ini selepas membelasah UiTM HA-KPT 7-0, sekali gus memberi lebih keyakinan kepada mereka menjelang aksi terakhir menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) pada Selasa ini.

Mengulas mengenai perancangan pasukan selepas ini, Azrul menyuarakan hasrat untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu trofi musim ini, iaitu mendakap kejuaraan Piala TNB.

"Sudah tentu kami akan cari sekurang-kurangnya satu piala tahun ini. Sebenarnya, kami memburu dua trofi, namun satu sudah terlepas iaitu piala liga. Bagaimanapun, kami tidak berputus asa dan akan buru Piala TNB nanti," ujarnya.